

18 OCT 1996

HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan Malaysia dengan Australia adalah baik.

"Saya tidak menghadapi masalah, tidak ada lagi kenyataan," kata beliau ketika ditanya bagaimana beliau menyifatkan hubungan antara kedua-dua negara di bawah kerajaan baru Australia.

Dr Mahathir berkata demikian selepas menghadiri majlis jamuan Yayasan Malaysia-Australia di sini sempena Konvensyen Alumni Universiti Malaysia-Australia.

Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan dalam ucapannya bahawa peningkatan persefahaman adalah bagi Australia terhadap Malaysia, Perdana Menteri berkata rakyat Australia harus memahami budaya masyarakat Malaysia.

"Kita mempunyai nilai, budaya dan cara tersendiri bagi melakukan sesuatu," katanya.

Mengenai sama ada beliau menganggap Australia sebagai negara perkauman, beliau berkata: "Tidak, saya tidak berpendapat demikian, cuma seorang di Australia berpendapat demikian, itu tidak bermakna semua rakyat Australia bersikap demikian. -- BERNAMA

ARA FAZ